

22 FEB 1997

Yusof-NGO

NGO DIGESA TURUT TANGANI MASALAH SOSIAL

BANGI, 22 Feb (Bernama) -- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini digesa agar turut sama memainkan peranan dalam menangani masalah sosial yang kian serius di kalangan remaja.

Ketua Penerangan Umno Malaysia Datuk Dr Mohd Yusof Nor berkata NGO perlulah menumpukan perhatian mereka kepada permasalahan di dalam negara daripada melihat permasalahan di luar negara.

"Mereka perlulah bersama-sama membantu kerajaan menangani masalah sosial bersama dan bukan hanya pandai mengkritik sahaja," katanya kepada Bernama pada majlis jamuan Aidilfitri di sini.

Katanya mereka akan lebih dihormati jika sama-sama memainkan peranan penting menangani isu-isu sosial terutamanya di kalangan remaja.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembabitian pelajar sekolah dalam kegiatan jenayah termasuk pengedaran dan penagihan dadah kini "cukup serius".

Sepanjang minggu ini sahaja polis di tiga negeri Johor, Pahang dan Melaka dilaporkan menahan 95 pelajar, termasuk pelajar perempuan disyaki terbabit dalam kegiatan kongsi gelap, pengedaran dan penagihan dadah.

Yusof juga mengkritik parti pembangkang yang hanya pandai menyalahkan kerajaan tetapi tidak melakukan apa-apa dalam menangani gejala sosial melanda negara.

Beliau juga berharap NGO menyokong usaha kerajaan membangunkan kawasan hutan dan tanah tinggi dengan peraturan ketat bagi memastikan kemusnahan alam pada tahap minima.--BERNAMA

MS OBA